

46 tahun UKM martabatkan kedudukan bangsa

KUALA LUMPUR 20 Mei - Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah berjaya menjadi salah satu institusi yang memartabatkan kedudukan bangsa dalam pelbagai bidang sepanjang 46 tahun penubuhannya.

Ahli Lembaga Pengarah UKM, Ahmad Zakie Ahmad Shariff berkata, perkara itu terbukti dengan pencapaian cemerlang siswazah serta alumni universiti itu yang berjaya menjadi pemimpin negara, organisasi kerajaan dan swasta

malah di universiti dan sektor korporat bukan sahaja dalam negara tetapi juga di peringkat global.

Katanya, sebagai alumni UKM, beliau amat berbangga dengan pencapaian universiti itu yang dianggap berjaya mengikut arus masa sambil memegang teguh konsep kebangsaan yang didukung.

"Dalam masa yang sama, kepemimpinan universiti terus berada di atas landasan aspirasi penubuhannya dan membuktikan keupayaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu tinggi.

"Daripada sebuah universiti kecil, UKM terus membangun, berkembang, berlari dan melonjak tinggi setanding malah lebih berprestasi daripada seseten-

gah universiti yang lebih dewasa usianya," katanya dalam ucapan perasmian Sambutan 46 Tahun UKM dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali.

Dalam majlis yang bertemakan *UKM 46 tahun: Menjejak kegemilangan* itu, universiti berkenaan turut melancarkan 46 buah buku sempena dengan usia universiti tersebut yang telah mencapai 46 tahun dua hari lepas.

Sementara itu, Noor Azlan berkata, meskipun UKM kini berada dalam ruang lingkup pencapaian yang memuaskan, universiti itu akan sentiasa mencari ruang untuk penambahbaikan dalam pelbagai aspek untuk kekal relevan dengan keadaan semasa.

"Landscape pendidikan tinggi sekarang banyak berubah dan lebih bersifat global. Kita menghadapi situasi dan cabaran persaingan yang berbeza."

"Untuk memastikan UKM terus cemerlang dan status kebangsaan itu terus dapat didukung, kepemimpinan akan terus bekerja sehabis baik bagi memastikan UKM terus menempa nama di dalam dan luar negara," katanya.



PENGURUSI Lembaga Pengarah UKM, Datuk Seri Dr. Ibrahim Saad (kiri) dan Ahmad Zakie Ahmad Shariff melihat buku diterbitkan sempena Ulang Tahun UKM ke-46 di Bangi, Selangor, semalam.